

19 OCT 1996

PNB-Haram

PNB SIASAT PEMBELIAN SAHAM PORTFOLIO HARAM

KUALA LUMPUR, 19 Oct (Bernama) -- Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang mengurus Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020 akan menyiasat dakwaan bahawa wang pelabur turut dilaburkan dalam portfolio yang haram pada sisi Islam.

Pengerusnya, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid hari ini berkata jika dakwaan ini dapati benar pengurusan PNB akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan pelaburan yang majoritinya milik umat Islam adalah halal dan tidak bertentangan dengan hukum Islam.

"Saya kena kaji dulu dengan teliti perkara ini...lagi pun saya baru dua hari dilantik Pengerusi PNB. Walaupun dulu saya telah lama menjadi timbalan pengerusi tetapi kedudukan saya kini adalah berbeza," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan keempat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Ahmad Sarji yang juga pengerusi IKIM berkata demikian apabila diminta mengulas ucapan seorang wakil IKIM dalam mesyuarat agung itu yang mendakwa wang pelaburan umat Islam dilaburkan dalam syarikat yang menjalankan kegiatan ekonomi yang bertentangan dengan syariat Islam.

Menurut Ahmad Sarji perkara itu perlu diberi perhatian serius bagi menghentikan sebarang kekeliruan yang mungkin timbul di kalangan umat Islam mengenai pelaburan mereka dalam badan amanah itu.

Mengenai usaha bagi menggalakkan golongan muda memahami Islam dengan lebih mendalam, beliau berkata IKIM sedang meneliti untuk menubuhkan kelab-kelab IKIM bagi golongan muda.

"Golongan muda adalah bilangan terbesar dalam masyarakat kita dan amat perlu bagi IKIM mewujudkan hubungan yang baik dengan golongan ini supaya mereka lebih mefahami agama Islam," katanya.

Beliau berkata dengan memahami Islam dan menjadi anggota kelab IKIM, golongan itu dapat menjauhkan diri daripada gejala sosial yang merosakkan selain dapat memupuk hubungan dan kefahaman dengan belia pelbagai bangsa.

Ahmad Sarji juga berkata satu bengkel akan diadakan awal tahun depan bagi membincangan isu-isu yang ditimbulkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya di Univerisiti Oxford bertajuk "Islam - Agama yang disalah-tafsirkan" April lepas.

"Ia akan dihadiri seramai 70 tokoh terkenal dari seluruh dunia termasuk ahli politik, akademik, pemimpin korporat dan wartawan bertujuan supaya golongan yang mempengaruhi pembuat dasar ini lebih memahami Islam," katanya. -- BERNAMA

MT NMO